

Parti-parti pembangkang diingatkan:

Jangan guna agama dan perkauman

MELAKA, Sabtu. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, menggesa parti-parti pembangkang jangan menggunakan agama dan perkauman sebagai isu politik dan jangan mengkritik kerajaan semata-mata bagi tujuan mengkritik.

Berucap di majlis makan malam BN malam tadi, beliau berkata, kedua-dua isu tersebut sensitif serta senang dieksploitasikan oleh parti-parti pembangkang dan komunis.

Menurut beliau, masanya sudah tiba bagi parti pembangkang menukar haluan dengan berperanan lebih membina dan bersama memajukan negara.

"Kalau hendak kritik, jangan mengkritik dengan menakutkan rakyat. Mereka seharusnya membangkang untuk kepentingan negara," ujarnya lagi.

Parti-parti pembangkang juga, tekannya, harus dapat meny-

6 "Rakyat mahukan pentadbiran yang licin, bersih lagi cekap dan penuh sopan santun. Ini suatu tuntutan. Dan sekiranya tuntutan ini dipenuhi, dengan sendirinya perasaan perkauman akan dapat dibenamkan,"

Oleh ASARI IBRAHIM dan HALIM MAJID

takan pilihan yang ada pada rakyat sekiranya mereka terpilih kerana alternatif perlu dalam negara demokrasi berparlimen.

Timbalan Perdana Menteri menyeru setiap pemimpin dan anggota BN serta jentera pentadbiran kerajaan berkhidmat lebih berkesan kepada rakyat tanpa

mengira walau apapun kaum dan latarbelakang politik mereka.

"Rakyat mahukan pentadbiran yang licin, bersih lagi cekap dan penuh sopan santun. Ini suatu tuntutan. Dan sekiranya tuntutan ini dipenuhi, dengan sendirinya perasaan perkauman akan dapat dibenamkan," ujarnya lagi.

Katanya, keadaan sekarang mendatangkan masalah kepada parti pembangkang kerana kerajaan berjaya membenamkan perasaan perkauman ini dengan memberikan perkhidmatan kepada semua pihak

Beliau mengingatkan para pegawai dan kakitangan kerajaan bahawa rakyatlah yang telah memilih mereka dan adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk berkhidmat dan mentadbir bagi pihak mereka.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia